**Bahagian A**

[**60** *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan di bahagian ini*

1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah unit ekonomi.

| |
|---|
| Pn Salmah ialah seorang pengusaha yang menguruskan perniagaan keluarga. Dengan modal yang ada berjumlah RM2 juta, beliau bercadang untuk mengeluarkan produk seperti di bawah. |

**PRODUK SEJUK BEKU RM 1.3 JUTA**



**PRODUK BAHAN KEK RM 1.8 JUTA**




Bagaimanakah Puan Salmah menyelesaikan masalah ekonomi tersebut.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu sistem ekonomi Negara X.




Jelaskan kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara X.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 markah]

(c) Jadual 1 menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran terhadap tudung sarung sukan.

| Harga (RM) | Kuantiti tudung sarung sukan (helai) | |
|---|---|---|
| | Permintaan pasaran | Penawaran pasaran |
| 30 | 120 | 30 |
| 40 | 90 | 60 |
| 50 | 40 | 110 |

Jadual 1

(i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, Lukiskan keluk keseimbangan pasaran

[4 markah]

(ii) Jelaskan keadaan pasaran pada tingkat harga RM40.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 markah]

(d) Rajah 2 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta bagi suatu barang.

| Peratus Perubahan Harga | Peratus Perubahan Kuantiti Diminta |
|---|---|
| 50 | 25 |

Jadual 2

(i) Hitung keanjalan harga permintaan barang tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 markah]

(ii) Jelaskan penentu keanjalan bagi barang di atas.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 markah]

2 (a) Jadual 3 menunjukkan pendapatan dan potongan wajib Encik Samad untuk bulan September.

| Butiran | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Gaji | 6 700 |
| Elaun Perumahan | 1 000 |
| Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 11% |
| Zakat | 80 |
| Cukai Pendapatan | 250 |

Jadual 3

(i) Hitung pendapatan boleh guna Encik Samad pada bulan tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 markah]

(ii) Terangkan kegunaan pendapatan boleh guna Encik Samad.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan jualan suatu barang.




| Bayaran Tunai RM6 999 | Bayaran Ansuran (RM600 x 12 bulan) |
|---|---|

Bezakan antara dua kaedah pembayaran di atas.

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

........................................................................................................................................

[4 markah]

(c) Jadual 4 berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

| Mesin (Unit) | Buruh (Orang) | Jumlah Keluaran (TP) (Unit) | Keluaran Purata (AP) (Unit) | Keluaran Marginal (MP) (Unit) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 0 | 0 | - | - |
| 1 | 1 | 10 | 10 | 10 |
| 1 | 2 | 22 | 11 | x |
| 1 | 3 | 33 | y | 11 |
| 1 | 4 | 42 | 10.5 | 9 |
| 1 | 5 | 47 | 9.4 | 5 |
| 1 | 6 | 49 | 8.17 | 2 |
| 1 | 7 | 49 | 7 | 0 |

Jadual 4

(i) Berapakah nilai x dan y?

........................................................................................................................................

[2 markah]

(ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran paling cekap?
Jelaskan.

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

[4 markah]

(d) Jelaskan kesan eksternaliti negatif yang akan ditanggung akibat daripada fenomena kesesakan lalu lintas di Pusat Pentadbiran Putrajaya.

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

[4 markah]

3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

| |
|---|
| Kadar pengangguran meningkat kepada 4.8 peratus berbanding 4.5 peratus pada Mei 2023 |

Jelaskan peranan kerajaan bagi mengatasi masalah berikut.

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

[4 markah]

(b) Jelaskan kesan positif globalisasi kepada negara.

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

.....................................................................................................................................

[5 markah]

(c) Jadual 5 menunjukkan eksport dan import barang nampak Malaysia pada tahun 2023.

| Butiran | Nilai (RM juta) |
|---|---:|
| Minyak Sawit | 9 948 |
| Jentera | 47 064 |
| Gas asli cecair | 11 300 |
| Barang-barang Pembuatan | 317 937 |
| Kelengkapan pengangkutan | 230 611 |

Jadual 5

(i) Hitungkan imbangan dagangan Malaysia pada tahun tersebut.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 markah]

(ii) Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di 3(c)(i).

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 markah]

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

(d) Jadual 6 menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Yuan Renminbi China (CNY) bagi bulan Ogos 2024.

| **Kadar Pertukaran** | **12 ogos 2024** | **14 Ogos 2024** | **16 Ogos 2024** |
|---|---|---|---|
| RM bagi seunit CNY | 0.6174 | 0.6190 | 0.6209 |
| | | | Sumber : *www.bnm.gov.my* |

Jadual 6

(i) Apakah arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Yuan Renminbi China (CNY) di jadual 6?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[1 markah]

(ii) Proton Holdings Berhad telah mengimport mesin yang bernilai RM900 000 dari negara China pada 16 Ogos 2024. Hitungkan jumlah dalam nilai CNY yang perlu dibayar.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 markah]

(iii) Jelaskan kepentingan pertukaran asing selain di 3(d)(ii).

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[3 markah]

Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

4 Maklumat berikut berkaitan pengeluaran suatu barang.

**Durian Pahang terbaik, sedap**

Persekitaran yang sesuai telah meningkatkan pengeluaran Musang King di Raub, Pahang. Memandangkan prestasi yang baik, kerajaan negeri telah memohon bantuan peruntukan sebanyak RM2 juta daripada kerajaan pusat bagi tujuan mengkomersialkan dan menaik taraf ladang sedia ada bagi membolehkan pengeluaran ke luar negara.

*Sumber : ubah suai www. Bernama.com.13 September 2024*

(a) Terangkan dua penentu penawaran dalam petikan di atas. [4 markah]

(b) Jelaskan kesan penentu tersebut ke atas pasaran Musang King. [7 markah]

(c) Langkah kerajaan negeri untuk mengkomersialkan tanaman tersebut dapat memberi banyak kebaikan kepada pengeluar?
Berikan alasan anda [9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

**Sumbangan Tunai Rahmah (STR) RM2500 B40**

Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bantuan rakyat 2024 adalah sebuah inisiatif di bawah konsep Payung Rahmah di bawah Belanjawan MADANI Kedua (Belanjawan 2024) bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan. Sumbangan ini bertujuan untuk menghadapi cabaran kos sara hidup mereka.

*Sumber: Ubah suai daripada bharian.com, 18 Januari 2024*

(a) Jelaskan jenis pendapatan di atas. [4 markah]

(b) Bagaimana bantuan tersebut dapat meningkatkan taraf hidup mereka? [7 markah]

(c) Bantuan tersebut dapat memberi kesan kepada objektif makroekonomi negara.
Bincangkan. [9 markah]

6 Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang yang dikeluarkan oleh kerajaan.




Gambar A



Gambar B

(a) Jelaskan peranan kerajaan berdasarkan gambar di atas. [4 markah]

(b) Bandingkan antara Gambar A dengan Gambar B [7 markah]

(c) Pendidikan dapat melonjakkan ekonomi negara. Kemukakan hujah anda.
[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam ekonomi.



**Trend harga di Malaysia makin mahal-**
**Indeks Harga Pengguna (IHP) naik pada bulan Februari 2024**

Kuala Lumpur: Trend harga di Malaysia memperlihatkan peningkatan IHP pada Februari 2024 selepas 3 bulan berturut-turut dilaporkan pada kadar 1.5 peratus.
Kenaikan ini disebabkan perbelanjaan pengguna yang semakin meningkat sempena sambutan Tahun Baru Cina.

*Sumber diubahsuai : Astro Awani 30 April 2024*

(a) Jelaskan situasi ekonomi di atas [4 markah]

(b) Bagaimanakah dasar fiskal dapat menangani situasi tersebut? [7 markah]

(c) Setujukah kenaikan IHP memberi kesan buruk kepada masyarakat?
Kemukakan alasan. [9 markah]

-KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT-

RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B

……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................

......................................................................................................................................................